

SICPA

Tatakelakuan



Enabling trust

TATAKELAKUAN SICPA

KANDUNGAN

SEKSYEN 01	1.1	PERBUALAN BERSAMA PHILIPPE AMON	6
KEPERCAYAAN ITU URUSAN KITA	1.2	NILAI-NILAI KITA, MISI KITA	8

SEKSYEN 02	2.1	PATUHI UNDANG-UNDANG, TURUTI TATAKELAKUAN	12
TANGGUNGJAWAB ANDA	2.2	KEHENDAK KITA	14

SEKSYEN 03	3.1	KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN	18
PEKERJA KITA	3.2	KESIHATAN DAN KESELAMATAN	20
	3.3	KONFLIK KEPENTINGAN	22
	3.4	KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL	23

SEKSYEN 04	4.1	RASUAH	26
INTEGRITI PERNIAGAAN KITA	4.2	HADIAH DAN KERAJIAN	29
	4.3	INTERAKSI BERSAMA PEGAWAI KERAJAAN	30
	4.4	BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA	32
	4.5	UNDANG-UNDANG PERSAINGAN	34
	4.6	KAWALAN PERNIAGAAN	36

SEKSYEN 05	5.1	PELAPORAN KEWANGAN	40
KEUTUHAN KEWANGAN KITA	5.2	PENCEGAHAN AKTIVITI MENGUBAH WANG HARAM	41
	5.3	PENIPUAN	42
	5.4	SUMBANGAN AMAL DAN POLITIK	44
	5.5	MELOBI DAN HAL EHWAL POLITIK	45

SEKSYEN 06	6.1	KESELAMATAN PRODUK	49
TINGKAH LAKU KITA DI PASARAN	6.2	ALAM SEKITAR	50
	6.3	HARTA INTELEKTUAL	53
	6.4	KERAHSIAAN	54
	6.5	PENGAWALAN KESELAMATAN SIBER DAN MAKLUMAT	56
	6.6	PERLINDUNGAN DAN PRIVASI DATA	58
	6.7	SOKONGAN KOMUNITI	59
	6.8	HAK ASASI BURUH DAN MANUSIA	60
	6.9	RANTAI BEKALAN	61

SEKSYEN 07	7.1	ORANG YANG HARUS DITANYA	64
MENDAPATKAN BANTUAN DAN PANDUAN	7.2	MEMBANGKITKAN KEKHUATIRAN - <i>SPEAK UP</i>	67

SEKSYEN 01

KEPERCAYAAN ITU URUSAN KITA

DALAM SEKSYEN INI

- 1.1 PERBUALAN BERSAMA PHILIPPE AMON
- 1.2 NILAI-NILAI KITA, MISI KITA

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



PERBUALAN BERSAMA PHILIPPE AMON

Tujuan SICPA ialah *Enabling Trust* (“Membolehkan Kepercayaan”). Apakah maksudnya?

Kepercayaan ialah asas keharmonian masyarakat, kemakmuran ekonomi dan kemajuan sivil. Selama hampir satu abad, SICPA telah membolehkan kepercayaan yang diperlukan oleh masyarakat moden untuk berfungsi ketika berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi, gangguan teknologi dan cabaran masyarakat baharu.

SICPA membolehkan kepercayaan antara institusi kerajaan dengan setiap warganegara kerana peranannya melindungi kedaulatan rantai nilai strategik, menjamin kesahihan data dan keutuhan wang kertas, transaksi, perkhidmatan atas talian dan dokumen rasmi. Selain itu, SICPA membolehkan kepercayaan antara syarikat dengan pelanggan mereka, diiringi penyelesaian untuk menentukan kesahihan produk dan melindungi peserta ekonomi yang sah serta setiap pengguna daripada produk palsu.

“

Pematuhan undang-undang dan berurus niaga secara berintegriti bukan pilihan tetapi asas kepercayaan yang penting serta berada di teras segala perbuatan kita.

”

Bagaimanakah Tatakelakuan ini berkait dengan tujuan *Enabling Trust*?

Tatakelakuan ini menggariskan cara kita hendak berurus niaga dengan integriti, komitmen kita kepada para pekerja dan pihak-pihak yang berkepentingan serta kehendak kita terhadap setiap warga SICPA. Hal ini dikatakan demikian kerana kepercayaan yang diberikan kepada kita oleh pelanggan dan rakan niaga bergantung pada integriti kita. Tanpa integriti, tiadalah kepercayaan.

Oleh itu, Tatakelakuan ini bukanlah hanya untuk pekerja SICPA tetapi juga untuk semua pembekal, rakan niaga dan pelanggan. Sambil kita berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menunaikan visi *Enabling Trust* dan untuk membangunkan perniagaan kita secara mampan, kita hendaklah sentiasa pastikan bahawa kita tidak hanya mematuhi undang-undang tetapi juga berurusan dengan integriti.

Patutkah Tatakelakuan ini dianggap sebagai dokumen panduan?

Sudah tentu. Tatakelakuan ini ialah dokumen menyeluruh yang ingin saya anggap sebagai panduan tingkah laku. Banyak antara tajuk yang diliputi oleh Tatakelakuan ini disokong dengan dasar dan prosedur tambahan. Semuanya sumber yang berguna, terutamanya apabila berhadapan dengan situasi atau keputusan yang sukar.

Adakah terdapat saluran yang diutamakan untuk seseorang bertanya soalan atau menimbulkan kebimbangan?

Pertama sekali, saya galakkan semua orang bertanya, mencabar untuk mencapai peningkatan atau menimbulkan kebimbangan, khususnya ketika ragu-ragu. Di SICPA, kita galakkan budaya *Speak Up* berserta dorongan kepada para pekerja untuk bercakap dengan pengurus masing-masing, dengan jabatan-jabatan lain, dengan pasukan kepimpinan kanan (*senior leadership team*) dan dengan saya sendiri. Begitu juga keadaannya bagi pihak-pihak luar yang berkepentingan. Akhirnya, sesiapa sahaja boleh menggunakan sistem pendedahan maklumat kita, iaitu *Speak Up Line* SICPA.

Kata-kata penutup?

Saya mengharapkan setiap pekerja SICPA agar sentiasa membuat keputusan yang betul dan menyumbang ke arah usaha melindungi reputasi dan kejayaan jangka panjang syarikat. Pematuhan undang-undang dan berurus niaga secara berintegriti bukan pilihan tetapi asas kepercayaan yang penting serta berada di teras segala perbuatan kita.

PHILIPPE AMON
PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SICPA

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA


03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



NILAI-NILAI KITA, MISI KITA



Dalam dunia kompleks ini, nilai-nilai kita ialah penunjuk arah pekerja. Nilai-nilai ini penting bagi jati diri dan pendirian kita, di samping membantu kita bertindak selaras dengan budaya kita.

Kita kehendaki semua pekerja mendalami dan bertindak selaras dengan lima nilai teras kita:

- Hormat
- Komitmen
- Perpaduan
- Kecekapan
- Kepercayaan

Pada masa yang sama, kita kehendaki semua pekerja memahami dan mematuhi Tatakelakuan sambil mengingati nilai-nilai ini.

NILAI-NILAI KITA SECARA AMALI



Hormat

Kita dengar dan terima satu sama lain, dengan kesedaran akan keperibadian dan perbezaan masing-masing.



Komitmen

Kita libatkan diri, buat keputusan dan bertindak dengan yakin, kreatif, berani, gigih dan bertenaga demi kejayaan bersama.



Perpaduan

Kita pupuk keeratan kumpulan, bekerjasama menunaikan tanggungjawab dan pelihara perpaduan.



Kecekapan

Kita praktikkan, berkongsi dan sentiasa asah kepakaran kita.



Kepercayaan

Kita wujudkan suasana di samping memupuk hubungan berdasarkan maklum balas, ketelusan dan integriti untuk menggalakkan kepuasan secara individu dan prestasi kumpulan yang mampan.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

SEKSYEN 02

TANGGUNGJAWAB ANDA

Mencapai matlamat syarikat, iaitu *Enabling Trust* ("Membolehkan Kepercayaan"), ialah tanggungjawab semua orang. Kita hanya mampu mencapai matlamat tersebut melalui usaha bersepadu, iaitu dengan cara mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dan menuruti dasar-dasar dalaman syarikat.

DALAM SEKSYEN INI

- 2.1 PATUHI UNDANG-UNDANG,
TURUTI TATAKELAKUAN
- 2.2 KEHENDAK KITA

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
**TANGGUNGJAWAB
ANDA**

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

PATUHI UNDANG-UNDANG, TURUTI TATAKELAKUAN

Setiap pekerja, pegawai, pengarah, orang atau entiti yang mewakili atau memenuhi kepentingan SICPA haruslah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan aktiviti masing-masing untuk atau bagi pihak syarikat.

Tatakelakuan ini menjadi panduan dengan penjelasan tentang tingkah laku yang dikehendaki dalam hal-hal yang penting, tetapi sedarlah bahawa pematuhan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan tetap menjadi tanggungjawab diri anda.

Menjalankan urusan SICPA tidak sepatutnya menyebabkan anda melanggar atau memintasi undang-undang dan peraturan sedemikian mahupun bertolak ansur tentang Tatakelakuan kita.

SICPA beroperasi dalam suasana yang kompleks sebagai syarikat yang inovatif dan global. Kita sentiasa berhadapan dengan soalan dan situasi baharu. Pengurus anda akan sentiasa membantu.

MOHON BANTUAN JIKA

Anda rasa anda tidak boleh menunaikan objektif perniagaan atau tidak boleh mematuhi arahan penyelia dengan cara yang berintegriti.

Anda kurang pasti undang-undang atau peraturan mana yang berkenaan dengan aktiviti anda.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



KEHENDAK KITA

Kita kehendaki semua pekerja dan rakan niaga kita patuhi Tatakelakuan ini.

KAMI KEHENDAKI ANDA



Baca, pastikan anda memahaminya dan tahu cara mengamalkannya.



Mohon panduan jika anda kurang pasti peraturan mana yang harus dipatuhi.



Bersuara jika anda rasa orang lain tidak patuh.

JIKA ANDA PENGURUS ATAU EKSEKUTIF SICPA, KAMI JUGA KEHENDAKI ANDA



Pimpin melalui teladan pada kata-kata dan tindakan anda.



Anjurkan dan terangkan Tatakelakuan ini dan dasar-dasar SICPA yang berkenaan melalui perbincangan dan latihan.



Galakkan pekerja datang berjumpa dengan anda jika ada permasalahan atau kemusykilan.



Dengar masalah yang dimusykili itu dan ambil serius aduan-aduan yang diterima.



Sokong mereka yang tampil dan pastikan tiada sesiapa pun yang dikenakan tindakan kerana bersuara.



Tingkatkan dan/atau ambil tindakan yang bersesuaian apabila sesuatu kemusykilan dikemukakan kepada anda.

SEKSYEN 03

PEKERJA KITA

Kejayaan kita ialah hasil titik peluh pekerja dan pada masa yang sama, kita komited terhadap perkembangan, keselamatan dan kesejahteraan tenaga kerja syarikat.

Kita semua harus berasa bangga akan peranan kita di SICPA dan berasa yakin bahawa kita mampu mencapai potensi, tanpa diskriminasi dan gangguan.

Kita bekerjasama dalam suasana penuh kesaksamaan dan saling hormat.

DALAM SEKSYEN INI

- 3.1 KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN
- 3.2 KESIHATAN DAN KESELAMATAN
- 3.3 KONFLIK KEPENTINGAN
- 3.4 KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

**03
PEKERJA
KITA**

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN

Komitmen kita terhadap tenaga kerja yang majmuk dan merangkum tidak hanya mengukuhkan budaya tetapi juga mengukuhkan kedudukan kita di pasaran global.

TEMPAT KERJA KITA MAJMUK



Kita mahu menarik minat, mengekalkan khidmat dan mengembangkan kebolehan tenaga kerja yang terbaik, daripada himpunan pekerja yang mencerminkan kepelbagaian dari aspek kewujudan global.

Kita percaya bahawa sudut pandangan yang beraneka dapat mengembangkan inovasi dan menjadikan tempat kerja kita lebih kreatif dan merangsang.

TEMPAT KERJA KITA MERANGKUM



Kita mahu semua pekerja mempunyai tanggapan diri bahawa mereka boleh dan harus menyumbang kepada syarikat, tidak kira apa latar belakang peribadi masing-masing.

Kita semua harus merasakan diri sendiri berupaya mencapai kecemerlangan dari segi profesional, teknikal dan saintifik tanpa rasa takut akan apa-apa jenis diskriminasi.

FIKIRKAN

- Apabila memilih calon jawatan atau kenaikan pangkat baharu, pastikan keputusan anda dibuat berdasarkan kelayakan orang itu dan kebolehannya yang objektif untuk menyumbang kepada syarikat.

Kepelbagaian bermaksud menerima dan menghormati perbezaan setiap orang, misalnya status sebagai ibu atau bapa, jantina, agama, bangsa, kumpulan etnik, orientasi seksual, kebolehan fizikal, umur, taraf sosioekonomi serta pegangan politik dan ideologi lain.

Keterangkuman bermaksud sikap ingin tahu mengenai perbezaan kita dan memastikan bahawa semua orang berasa dirinya difahami dan dihargai atas sumbangan mereka.

TEMPAT KERJA KITA SAKSAMA



Kita komited terhadap usaha menghapuskan sikap pilih kasih dan diskriminasi dalam semua proses dalaman seluruh dunia dan dalam setiap aspek pekerjaan, daripada peringkat pengambilan pekerja sehinggalah kemajuan kerjaya.

Kita tawarkan pakej imbuhan yang adil dan saksama, yang mencerminkan prestasi setiap individu dan memantau gaji dan manfaat pekerja untuk mengenal pasti dan menyelesaikan ketidakadilan yang mungkin ada.

TEMPAT KERJA KITA BEBAS DARIPADA GANGGUAN



Kita tidak membenarkan berlakunya apa-apa jenis gangguan, sama ada gangguan seksual ataupun dalam bentuk lain.

Rusuhan, buli dan komunikasi yang tidak senonoh tidak bertempat dalam suasana kerja kita.

Nada dan kaedah komunikasi hendaklah sentiasa bertimbang rasa, penuh hormat dan profesional, bukannya agresif atau acuh tidak acuh.

01 KEPERCAYAAN ITU URUSAN KITA

02 TANGGUNGJAWAB ANDA

03 PEKERJA KITA

04 INTEGRITI PERNIAGAAN KITA

05 KEUTUHAN KEWANGAN KITA

06 TINGKAH LAKU KITA DI PASARAN

07 MENDAPATKAN BANTUAN DAN PANDUAN

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja kita sememangnya keutamaan yang tertinggi.

- ✓ Setiap hari, kita berusaha menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk para pekerja dan sesiapa sahaja yang bekerja dengan kita, misalnya penjual, subkontraktor, pelanggan dan rakan niaga.
- ✓ Kita pastikan diri kita sentiasa sedar akan semua bahaya pekerjaan yang terhasil oleh operasi kita dan kita pastikan semua bahaya itu diatasi dengan berkesan.
- ⊗ Kita tidak bertolak ansur dalam hal kebajikan mental dan fizikal para pekerja.

FIKIRKAN

- Apabila menghadapi risiko keselamatan, lindungi diri sendiri dan diri orang lain serta suarakan keumyukilan yang ada.
- Jangan tetapkan sasaran yang akan menjejaskan kesihatan atau keselamatan anda.



01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



KONFLIK KEPENTINGAN

Kita uruskan kepentingan luar secara telus untuk mengelakkan hubungan yang tidak bersesuaian dan untuk melindungi reputasi kita.

Kita hormati keperibadian setiap rakan sekerja kita di SICPA dan secara amnya tidak mahu mengganggu kepentingan peribadi mereka atau keluarga mereka. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang tertentu, kepentingan sedemikian mungkin bercanggah dengan kepentingan perniagaan kita yang sah.

Kita pastikan situasi seperti ini didedahkan dan diuruskan dengan baik agar dapat mengelakkan ketidakpatutan atau kerosakan reputasi terhadap pihak-pihak yang terbabit.

FIKIRKAN

- Walaupun undang-undang tidak dilanggar, namun konflik kepentingan masih boleh mengakibatkan tingkah laku yang tidak beretika atau tidak diingini.
- Sama ada benar ataupun dianggap, keadaan ini memerlukan ketelusan dan sebaik-baiknya diuruskan, iaitu didedahkan, dibincangkan, dibuat keputusan mengenainya dan didokumentasikan.

KOMUNIKASI MEDIA SOSIAL

Kita gunakan media sosial dengan berhati-hati dan dengan cara yang sejajar dengan nilai-nilai kita.



Pematuhan

Kehadiran kita pada media sosial sebagai pekerja atau wakil SICPA haruslah mencerminkan nilai-nilai syarikat dan mematuhi undang-undang yang berkenaan.



Kerahsiaan

Kita tidak menggunakan media sosial untuk mengadakan perbincangan berkenaan perniagaan. Walaupun sesuatu saluran itu pada zahirnya bersifat peribadi, namun kita tidak berkongsi maklumat sulit.



Akal budi

Kita haruslah memberikan pendapat peribadi bersama dengan pertimbangan dan akal budi, sambil menghormati rakan-rakan sekerja, para pelanggan dan rakan niaga kita.

SEKSYEN 04

INTEGRITI PERNIAGAAN KITA

Agar dipercayai sebagai *Trust Enablers* (“Pemboleh Kepercayaan”) di lebih daripada 180 negara sedunia, kita harus mematuhi undang-undang di setiap medan pasaran dan bertindak menurut nilai-nilai kita.

Integriti bermaksud melakukan apa yang betul dan tidak semestinya apa yang mudah atau yang akan mendatangkan keuntungan segera. Integriti mungkin bermaksud melepaskan peluang perniagaan yang tidak boleh dimanfaatkan tanpa bertolak ansur tentang nilai-nilai kita.

DALAM SEKSYEN INI

- 4.1 RASUAH
- 4.2 HADIAH DAN KERAIAN
- 4.3 INTERAKSI BERSAMA PEGAWAI KERAJAAN
- 4.4 BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA
- 4.5 UNDANG-UNDANG PERSAINGAN
- 4.6 KAWALAN PERNIAGAAN

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

**04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA**

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

RASUAH

Kita tidak sesekali membenarkan berlakunya penyogokan atau rasuah.

Penyogokan dan transaksi bersifat rasuah yang lain tidak terbatas kepada wang tunai. Rasuah boleh hadir dalam bentuk hadiah, pelawaan ke sesuatu acara, sumbangan amal, peluang pekerjaan atau apa-apa sahaja yang boleh mempengaruhi keputusan penerima atau hasil transaksi perniagaan jika dihulurkan atau dijanjikan.

Kita tidak sesekali bertindak dengan niat hendak merasuah. Kita tidak memberikan atau menerima kelebihan yang tidak berpatutan sebagai balasan bagi sesuatu yang bernilai.

Kita tidak menawarkan, menjanjikan, menerima atau meluluskan rasuah. Sogokan dan transaksi rasuah yang lain tidak terbatas kepada wang tunai.

Tekanan untuk melibatkan diri dalam transaksi rasuah boleh timbul dalam kebanyakan aktiviti perniagaan yang bersifat rutin, misalnya ketika memuktamadkan penjualan, berunding dengan penjual atau memohon lesen atau permit.

Kita juga sentiasa berwaspada dan menghindarkan diri daripada perbuatan yang boleh dipandang sebagai rasuah oleh rakan niaga atau pemerhati luar.

Harap maklum bahawa peraturan khusus perlu diikuti jika pegawai kerajaan terlibat.

FIKIRKAN

- Permintaan rasuah atau kelebihan yang tidak berpatutan, jika tidak dilaporkan dan diambil tindakan sewajarnya, boleh mendatangkan kesan yang bertentangan dengan apa yang diharapkan. Persepsi aktiviti perniagaan yang tidak berpatutan juga boleh menjejaskan reputasi dan urusan kita dengan buruk.
- Di SICPA kita tidak menerima alasan 'beginilah caranya kita berurusan di sini' untuk menjalankan sebarang transaksi rasuah.

CONTOH

- Bayar komisen kepada orang tengah hanya setelah anda memahami dan mendokumenkan nilai tambahan yang sah pada transaksi yang berkenaan.
- Jangan sesekali pelawa pelanggan untuk bersantai pada hujung minggu atas tanggungan belanja syarikat.
- Jangan berikan pekerjaan atau perjanjian khidmat perundingan kepada saudara-mara pelanggan.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



HADIAH DAN KERAIAN

Kita pastikan pertukaran hadiah dan keraian terbatas kepada berian rasmi yang berpatutan.

- ✓ Kita gunakan akal budi dan rujuk kepada dasar-dasar yang ditetapkan ketika membuat keputusan sama ada hendak menawarkan atau menerima hadiah, jamuan makan atau layanan.
- ✓ Kita pertimbangkan tanggapan pihak luar tentang pertukaran hadiah, mengikut konteks hubungan SICPA dengan pihak lain.
- ✓ Dasar kita menentukan ambang dan tahap kelulusan yang berpatutan untuk memberikan dan menerima sesuatu daripada orang yang bukan pegawai kerajaan. Peraturan khusus dikenakan bagi interaksi dengan pegawai kerajaan.
- ⊗ Pertukaran hadiah dan keraian kecil-kecil yang dilakukan sekali-sekala memang menjadi kebiasaan apabila membina sebarang hubungan perniagaan, tetapi jika hadiah itu digunakan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar, kita tidak patut menerimanya.
- ⊗ Dalam apa-apa konteks, hadiah wang tunai atau kesetaraan tunai, umpamanya baucar, dilarang secara tegas.

FIKIRKAN

- Terdapat banyak organisasi yang menentukan peraturan berhubung dengan hadiah dan keraian. Sebelum menawarkan hadiah atau menghulurkan jemputan, pertimbangkan peraturan syarikat yang berurusan dengan anda.
- Sentiasa fikirkan tanggapan rakan-rakan sekerja atau para pelanggan anda tentang perbuatan anda menghulurkan atau menerima hadiah seperti itu.

INTERAKSI BERSAMA PEGAWAI KERAJAAN

Kita galakkan interaksi yang telus dan mematuhi undang-undang apabila berurusan bersama pegawai kerajaan.

Interaksi bersama pegawai kerajaan ialah perkara penting bagi perniagaan SICPA. Interaksi bersama pegawai kerajaan secara amnya tertakluk kepada peraturan yang lebih tegas dan diperhatikan dengan lebih teliti oleh orang awam, maka kita lebih berhati-hati untuk mengelakkan tanggapan berlakunya ketidakpatutan.

PEGAWAI KERAJAAN MERANGKUMI

- Mana-mana anggota, pekerja atau orang yang berurusan bagi pihak agensi kerajaan, perusahaan milik kerajaan atau organisasi antarabangsa
- Pegawai yang dilantik
- Pemimpin parti politik

Saudara-mara pegawai kerajaan tertakluk kepada larangan yang sama.

FIKIRKAN

- Jika anda mempunyai hubungan peribadi dengan pegawai kerajaan, anda mesti mendedahkannya kepada SICPA kerana hubungan itu mungkin dipandang sebagai konflik kepentingan.
- Pekerja syarikat swasta boleh dianggap sebagai pegawai kerajaan jika mereka bertindak bagi pihak agensi kerajaan.

- Untuk mengelakkan interaksi yang tidak berpatutan, yang mungkin mendedahkan pegawai kerajaan atau SICPA, kita biasakan diri dengan peraturan yang berkenaan.
- Sebagai *Trust Enablers* ("Pemboleh Kepercayaan") bagi para pelanggan kita dan orang awam, kita haruslah lebih berhati-hati agar tidak melanggar mana-mana peraturan pemerolehan awam dengan perbuatan menghulurkan hadiah atau tawaran yang boleh dipandang sebagai percubaan mempengaruhi proses membuat keputusan.
- Sebagai peraturan umum, kita tidak menawarkan hadiah, sumbangan, derma atau tajaan mahupun tanggungan belanja perjalanan dan keraian kepada pegawai kerajaan. Pengecualian peraturan ini, biar berapa pun nilainya, memerlukan kelulusan *Chief Compliance Officer* atau pegawai yang dilantiknya.

CONTOH

- Bayaran kemudahan yang diminta oleh pegawai kerajaan, biar berapa pun nilainya atau dan walau apa bentuknya, hendaklah ditolak dan dilaporkan.
- Pelawaan kepada pegawai kerajaan untuk menghadiri jamuan makan malam yang mewah boleh dipandang sebagai rasuah.
- Perbuatan yang melibatkan anggota keluarga pegawai kerajaan boleh dianggap sebagai transaksi yang tidak berpatutan dan memerlukan kelulusan secara khusus.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

Kita bertanggungjawab terhadap perbuatan orang lain yang dilakukan bagi pihak kita.

- ✔ Kita pastikan kita tahu dan faham pihak yang berurusan dengan kita dengan langkah melakukan perisikan latar belakang integriti dan mewajibkan dokumentasi perkhidmatan mereka yang sewajarnya.
- ✔ Setelah kita mengambil keputusan hendak berurusan dengan sesuatu pihak ketiga, kita minta mereka patuhi piawaian kita yang tinggi. Kerja mereka menjejaskan reputasi kita dan kesan itu akhirnya menjadi tanggungjawab kita.
- ✘ Kita tidak meminta pihak ketiga, sama ada penjual, subkontraktor, pakar runding komersial atau rakan niaga yang lain, bertindak dengan cara yang tidak mematuhi Tatakelakuan ini mahupun undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- ✘ Jika kita sendiri tidak boleh bertindak tanpa melanggar prinsip-prinsip kita, kita tidak boleh meminta mereka melakukannya bagi pihak kita. Kita bertanggungjawab terhadap tindakan mereka.

FIKIRKAN

- Kita mestilah sentiasa ada alasan yang kukuh dan didokumentasikan dengan baik untuk mewajarkan penglibatan pihak ketiga yang tertentu.
- Kehendak kita agar Tatakelakuan ini dipatuhi turut merangkumi rakan niaga dan menjadi tanggungjawab kita memaklumkan intipati Tatakelakuan ini kepada mereka. Penglibatan pihak ketiga yang mempunyai reputasi yang tidak baik dan integriti yang lemah akan menyebabkan SICPA terdedah.

CONTOH

- Jangan sekali-kali libatkan pihak ketiga untuk memintasi keperluan undang-undang atau peraturan.
- Jangan sekali-kali gunakan orang tengah sekiranya anda tidak memahami peranan mereka dalam transaksi yang berkenaan, walaupun (dan terutamanya jika) mereka disyorkan oleh pelanggan.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Kita bersaing dengan adil dan tidak berpakat secara sulit dengan pesaing.

- ✔ Kita bersaing di pasaran dengan tawaran penyelesaian yang inovatif dan berharga kepada para pelanggan kita.
- ✔ Kita hadkan interaksi kita dengan para pesaing kepada ruang 'prapesaingan', misalnya mengikut konteks persatuan perdagangan atau inisiatif seluruh industri.
- ✔ Kita secara amnya beroperasi pada peringkat global selaras dengan Undang-undang Persaingan Switzerland dan Kesatuan Eropah, melainkan undang-undang tempatan yang dikenakan itu lebih tegas.
- ✔ Kita tinjau peluang perniagaan baharu secara bebas daripada pesaing kecuali kita secara khususnya mempertimbangkan pelaksanaan projek bersama.



- ✘ Setiap kali kita berinteraksi dengan pesaing, kita berhati-hati supaya tidak mendedahkan maklumat yang dilarang oleh undang-undang persaingan.
- ✘ Kita tidak membincangkan atau bersetuju dengan pesaing mengenai cara menghampiri (ataupun tidak menghampiri langsung) pelanggan yang spesifik ataupun kategori-kategori pelanggan.

FIKIRKAN

- Pertukaran informasi ringkas yang secara komersialnya sensitif antara pesaing pun boleh menyalahi undang-undang. Sama ada informasi sensitif itu dikongsi atau diterima secara bertulis atau lisan, betul atau salah, informasi itu tetap akan mendedahkan SICPA.
- Kebanyakan proses pemerolehan awam dikenakan peraturan-peraturan kerahsiaan tersendiri. Kita tidak sekali-kali membincangkan syarat-syarat usul SICPA dengan pembida lain.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

KAWALAN PERDAGANGAN

Kita patuhi semua larangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa yang dikenakan.



Pematuhan

Kita patuhi semua undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan, termasuklah larangan terhadap produk, teknologi dan negara destinasi yang khusus.



Pemantauan

Kita sentiasa pantau perubahan peraturan dan kita ambil tindakan susulan sekiranya aliran produk kita dikhuatiri akan melanggar peraturan tersebut.



Penyaringan

Kita saring rakan-rakan niaga kita secara berterusan untuk mencari perubahan yang mungkin berlaku pada kedudukan mereka dari segi larangan.

FIKIRKAN

- Harap maklum bahawa peraturan khusus dikenakan terhadap negara-negara yang dilarang dengan keras, seperti yang ditakrifkan dalam dasar SICPA.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

SEKSYEN 05

KEUTUHAN KEWANGAN KITA

Laporan kewangan yang boleh dipercayai, tepat dan jujur sangat penting untuk mengukur dan memantau prestasi kita.

Sebagai rakan yang dipercayai dan warga korporat yang terpuji, kita tidak menggunakan maklumat, transaksi atau operasi kewangan untuk memperdaya atau memintasi peraturan.

DALAM SEKSYEN INI

- 5.1 PELAPORAN KEWANGAN
- 5.2 PENCEGAHAN AKTIVITI MENGUBAH WANG HARAM
- 5.3 PENIPUAN
- 5.4 SUMBANGAN AMAL DAN POLITIK
- 5.5 MELOBI DAN HAL EHWAL POLITIK

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

**05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA**

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



PELAPORAN KEWANGAN

Kita sediakan kawalan yang kukuh terhadap transaksi dan pelaporan kewangan.

- ✓ Kita pastikan kita tahu cara wang kita diperolehi dan dibelanjakan.
- ✓ Rekod perakaunan dan kewangan kita mencerminkan hakikat operasi kita dengan seberapa tepat dan lengkap yang boleh.
- ✓ Kita patuhi semua piawaian perakaunan dan peraturan percukaian yang berkenaan dengan pendedahan dan penyimpanan dokumen.

PENCEGAHAN AKTIVITI MENGUBAH WANG HARAM

Kita pastikan secara proaktif bahawa kita tidak terlibat dengan aliran kewangan yang menyalahi undang-undang.



Sebagai pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam sistem kewangan antarabangsa, kita patuhi segala peraturan kewangan yang berkenaan.



Kita ambil setiap langkah yang sepatutnya untuk mengenali rakan seperniagaan dan sumber wang mereka.



Kita pantau aliran kewangan kita dan kita ambil tindakan susulan dengan serta-merta sekiranya sebarang penyelewengan dikenal pasti sewaktu proses pemantauan.

PENIPUAN

Kita bertindak dengan jujur dan amanah dalam setiap transaksi perniagaan kita.

Kita komited terhadap usaha mencegah, mengesan dan menyasat tingkah laku tidak jujur yang mungkin menjejaskan pekerja, aktiviti atau aset kita.


Kita komited terhadap usaha mendapatkan nilai yang terbaik dalam setiap keputusan perolehan yang dilaksanakan dan kita tidak menggunakan sebarang sumber dan aset SICPA untuk keuntungan peribadi.



- ✓ Kita semua dikehendaki mematuhi proses dan langkah-langkah yang dicipta untuk melindungi syarikat daripada aktiviti penipuan dan kita terapkan budaya amanah dalam setiap operasi yang kita laksanakan.
- ⊗ Kita tidak cuba memintasi peraturan mahupun cuba mendapatkan kelebihan yang tidak sepatutnya melalui pernyataan yang tidak benar.
- ⊗ Kita tidak menggunakan tipu daya untuk mendapatkan keuntungan kewangan atau peribadi yang tidak adil atau yang menyalahi undang-undang dan kita tidak memudahkan tingkah laku menipu.

FIKIRKAN

- Sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik SICPA dan patuhi peraturan dan kaedah yang berkenaan.
- Pastikan bahawa pengecualian proses dan prosedur yang sedia ada disemak dan diluluskan pada tahap yang sesuai.



SUMBANGAN AMAL DAN POLITIK

Kita tidak cuba mempengaruhi keputusan melalui derma, bantuan kewangan atau sumbangan amal kita.

Komitmen penglibatan komuniti kita melibatkan usaha menyokong inisiatif amal atau inisiatif kepentingan awam melalui sumbangan kewangan atau barangan.

Sumbangan kita mematuhi keperluan peraturan dan ketelusan yang berkenaan dan tidak sekali-kali digunakan untuk mempengaruhi hasil sesuatu transaksi komersial atau keputusan politik.

Kita kaji semula semua sumbangan amal dengan rapi sebelum meluluskannya untuk memastikan bahawa sumbangan itu serasi dengan aktiviti perniagaan dan pendekatan penglibatan SICPA di samping mengelakkan bayangan ketidakpatutan.



MELOBI DAN HAL EHWAL POLITIK

Kita secara amnya tidak melibatkan diri dengan aktiviti melobi.

- ✓ Kita berurusan dengan agensi kerajaan sebagai pelanggan kita yang sedia ada atau sebagai bakal pelanggan dalam perjalanan aktiviti perniagaan kita.
- ✗ Kita tidak cuba mempengaruhi peraturan atau undang-undang melalui aktiviti melobi, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Penyimpangan daripada peraturan ini tidak boleh melebihi batas peraturan tempatan dan perlu diluluskan oleh anggota Jawatankuasa Eksekutif.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

SEKSYEN 06

TINGKAH LAKU KITA DI PASARAN

Kita rakan yang dipercayai oleh para pelanggan kita di seluruh dunia, yang bergantung pada kebolehpercayaan kita ini.

Kita komited untuk menjadi warga korporat yang terpuji dan sentiasa beringat akan kesan kita terhadap setiap kumpulan berkepentingan yang berinteraksi dengan kita.

DALAM SEKSYEN INI

- 6.1 KESELAMATAN PRODUK
- 6.2 ALAM SEKITAR
- 6.3 HARTA INTELEKTUAL
- 6.4 KERAHSIAAN
- 6.5 PENGAWALAN KESELAMATAN SIBER DAN MAKLUMAT
- 6.6 PERLINDUNGAN DAN PRIVASI DATA
- 6.7 SOKONGAN KOMUNITI
- 6.8 HAK ASASI BURUH DAN MANUSIA
- 6.9 RANTAI BEKALAN

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

**06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN**

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



FIKIRKAN

- Mohon dan alu-alukan maklum balas pelanggan mengenai kualiti dan keselamatan menggunakan produk.
- Laporkan kecacatan yang dikenal pasti atau yang disyaki pada bahan mentah atau produk kita.

KESELAMATAN PRODUK

Kita mereka bentuk dan mengilang produk-produk kita supaya boleh digunakan dengan seberapa selamat yang boleh.



Produk kita menepati **peraturan yang berkenaan dengan bahan kimia** dalam semua pasaran kita pada setiap masa.



Kita jalankan **program pengurusan perubahan** yang berkesan dan cekap untuk mengekalkan taraf keselamatan sepanjang masa.



Di SICPA, kita hasilkan dan kilangkan produk kita berasaskan visi jangka masa panjang dengan cara memilih bahan mentah dengan teliti dan **mengurangkan bahaya**.



Kita **pantau data dan peraturan tentang produk** secara proaktif dan kita perkasakan pelanggan kita dengan semua maklumat keselamatan yang berkenaan.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

ALAM SEKITAR

Kita komited terhadap usaha meningkatkan prestasi alam sekitar kita dan menyumbang secara positif kepada alam semula jadi dan masyarakat.

Kita ambil kira isu-isu alam sekitar dengan serius dan kita tahu kita memikul tanggungjawab memainkan peranan melindungi masa depan planet kita.

Mengurangkan “bekas tapak kaki” (*environmental footprint*) kita pada alam sekitar ialah salah satu keutamaan kita. Kita menilai dan berusaha mengurangkan kesan produk dan operasi kita terhadap alam sekitar.

Kita komited terhadap usaha menjalankan perniagaan selaras dengan peraturan alam sekitar dan sejajar dengan rangka kerja pembangunan lestari yang diiktiraf.

KITA BERMATLAMAT HENDAK SENTIASA

- ✓ Tingkatkan prestasi alam sekitar kita pada seluruh rantai nilai kita dengan amalan menghasilkan, mengilang dan mempromosikan produk dan penyelesaian yang lestari.
- ✓ Tambahkan kekitaran operasi dan rantai nilai kita.
- ✓ Galakkan amalan pengurusan alam sekitar yang baik bersama rakan-rakan dalam rantai bekalan kita.
- ✓ Galakkan dan laksanakan pemerolehan dan penggunaan sumber yang bertanggungjawab.
- ✓ Galakkan perlindungan alam sekitar dan kepelbagaian hidupan.

FIKIRKAN

- Fikirkan kesan negatif yang mungkin ditinggalkan oleh aktiviti kerja anda sehari-hari terhadap alam sekitar dan cari cara-cara mengurangkannya.

KITA SENTIASA Mencari Peluang Menyesuaikan Proses-Proses Perindustrian dan Amalan Perniagaan Kita dengan Langkah



Mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau.



Mengehadkan penggunaan bahan berbahaya.



Mengurangkan sisa perindustrian.



Melaksanakan amalan pengurusan air yang cekap.



Mengoptimumkan penggunaan tenaga.



Menggalakkan kecekapan tenaga, pemulihan tenaga dan penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Kita sentiasa mencari tanda aras bagi prestasi alam sekitar kita, mendapatkan perakuan luar dan melaporkan kemajuan kita.

Melalui penglibatan bersama pihak-pihak dari dalam dan luar yang berkepentingan, kita menggunakan pendekatan yang menyeluruh untuk melindungi alam sekitar dan meningkatkan prestasi kita.



HARTA INTELEKTUAL

Kita lindungi harta intelektual SICPA dan melindungi harta intelektual orang lain.

Harta intelektual SICPA, yang merangkumi hak cipta, paten dan tanda dagang, ialah hasil inovasi kita bersama.

SICPA memiliki hak harta intelektual bagi berbilang teknologi dalam berbilang bidang kuasa, yang menyokong strategi perniagaan kita.

- ⊗ Kita tidak menggunakannya atau mendedahkannya demi keuntungan peribadi atau di luar rangka kerja undang-undang yang sepatutnya.
- ⊗ Kita juga tidak menyalahgunakan harta intelektual atau maklumat sulit orang lain dalam kerja kita.



KERAHSIAAN

Kita hadkan pengambilan dan perkongsian maklumat sulit atas dasar perlu tahu sahaja.

Kita lindungi maklumat yang terhasil oleh aktiviti kita dan yang diamanahkan oleh para pekerja dan rakan-rakan niaga kita dengan pengendalian secara selamat dan sulit.

Kita anggap maklumat sedemikian sebagai aset strategik dan memperuntukkan sumber untuk memeliharanya dan mengawal keselamatannya.

FIKIRKAN

- Berikan perhatian pada tahap kerahsiaan dokumen atau fail yang anda kendalikan itu dan ikuti protokol perkongsiannya yang betul.
- Pastikan pihak-pihak luar menandatangani perjanjian kerahsiaan yang formal sebelum berkongsi maklumat yang telah dikenal pasti sebagai sulit.

KITA PATUHI SEMUA DASAR DALAMAN DAN KEWAJIPAN BERKONTRAK TENTANG PENGENDALIAN MAKLUMAT SULIT DENGAN LANGKAH



Mengenal pasti dan melabel dengan jelas maklumat yang tidak boleh disiarkan kepada orang ramai pada beberapa tingkat kerahsiaan, menurut tahap kepentingannya.



Mengehadkan perkongsian maklumat kepada rakan sekerja dan rakan niaga yang khususnya diberi izin mendapatkannya.



Memastikan diri kita sentiasa mengetahui keperluan terbaharu tentang kerahsiaan.



Memastikan bahawa maklumat sulit dalam semua format sentiasa **disimpan** dan dipindahkan dengan selamat.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

PENGAWALAN KESELAMATAN SIBER DAN MAKLUMAT

Kita lindungi sistem maklumat kita supaya tidak dicerobohi, dimanipulasikan dan dibocorkan.

Di SICPA, kita percaya bahawa para pekerja ialah benteng pertahanan kita yang paling kuat terhadap ancaman keselamatan siber.



Kita bergantung pada pekerja, teknologi dan proses yang inovatif untuk menyampaikan nilai dan Membolehkan Kepercayaan bagi para pelanggan kita.




Kita berwaspada akan ancaman dari luar yang boleh menjejaskan penggunaan sistem kita atau keutuhan fail-fail kita dan kita ambil semua langkah waspada yang perlu untuk mengurangkannya dengan menggunakan garis panduan pasukan Pengawal Keselamatan Siber dan Maklumat kita.



Kita pastikan diri kita sentiasa mengikuti perkembangan dan keperluan terbaharu tentang pengawalan keselamatan maklumat di samping menggunakan piawaian pengawalan keselamatan siber yang canggih, misalnya pengawalan keselamatan menurut reka bentuk dan mencapai perakuan yang paling tegas bagi sistem kita.

FIKIRKAN

- Sulitkan data yang sensitif sebelum mendedahkannya kepada pihak luar atau membawanya bersama anda apabila anda merantau atas tujuan rasmi.
- Pastikan komputer dan telefon anda dikemaskinikan dengan versi terbaharu perisian pengawalan keselamatan yang diluluskan oleh SICPA.



CONTOH

- Kita gunakan kata laluan yang kompleks dan tidak memberikannya kepada orang lain.
- Kita tidak meninggalkan komputer yang tidak dikunci tanpa dijaga di tempat awam.
- Kita tidak membincangkan aktiviti atau urusan SICPA di tempat awam.
- Kita berwaspada akan percubaan mengambil maklumat daripada kita melalui kejuruteraan sosial, perbuatan menyamar sebagai eksekutif SICPA atau desakan palsu.
- Kita laporkan e-mel atau panggilan telefon yang kita syaki boleh mengakibatkan kejadian yang buruk dari segi keselamatan.

PERLINDUNGAN DAN PRIVASI DATA

Kita hormati privasi dan kita lindungi data dengan ketelitian yang sewajarnya.

- ✓ Kita komited terhadap usaha memproses data peribadi dengan ketelitian yang sepatutnya, selaras dengan undang-undang dan prinsip-prinsip privasi yang berkenaan.
- ✓ Kita hormati privasi setiap orang jika kita hendak mendapatkan kepercayaan mereka dan supaya layak dipercayai.
- ✓ Kita pilih dengan cermat dan pantau pihak ketiga yang diizinkan memproses atau mendapatkan data peribadi yang dipertanggungjawabkan kepada kita.

SOKONGAN KOMUNITI

Kita libatkan dan sokong komuniti di negara-negara tempat kita beroperasi.

- ✓ Kita berusaha meninggalkan kesan sosial yang positif di kawasan-kawasan tempat kita beroperasi.
- ✓ Kita labur ke dalam ekonomi tempatan melalui pengambilan khidmat kakitangan tempatan dan kerjasama dengan pembekal barangan dan perkhidmatan dalam kalangan orang tempatan.
- ✓ Kita sokong aktiviti sosial, kebudayaan, pendidikan dan saintifik tempatan dalam komuniti ini melalui sumbangan derma kewangan dan barangan serta khidmat sukarela pekerja.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
**TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN**

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



HAK ASASI BURUH DAN MANUSIA

Kita berikan komitmen yang teguh untuk menghormati hak asasi manusia di semua tempat operasi kita.




Kita hormati hak dan maruah para pekerja kita di semua negara tempat kita mengurus niaga.



Amalan buruh kita menghormati hak asasi manusia dan sosial.



Kita dengan kerasnya menentang penggunaan buruh kanak-kanak dan apa-apa bentuk buruh paksa.



RANTAI BEKALAN

Kita menangani pelanggaran Tatakelakuan ini dalam rantai bekalan kita secara proaktif.

Kita pantau isu-isu yang mungkin timbul berkenaan dengan aktiviti kita sepanjang rantai bekalan produk dan perkhidmatan kita, daripada pembekal sehingga pelanggan, dengan langkah:

- Mengesan tempat asal bahan mentah kita dan bertanya tentang keadaan kerja dan kesan terhadap alam sekitar.
- Memastikan kita tahu cara produk kita digunakan dan orang yang menggunakannya.

01 KEPERCAYAAN ITU URUSAN KITA

02 TANGGUNGJAWAB ANDA

03 PEKERJA KITA

04 INTEGRITI PERNIAGAAN KITA

05 KEUTUHAN KEWANGAN KITA

06 TINGKAH LAKU KITA DI PASARAN

07 MENDAPATKAN BANTUAN DAN PANDUAN

SEKSYEN 07

MENDAPATKAN BANTUAN DAN PANDUAN

Kita galakkan para pekerja dan rakan niaga kita agar memohon maklumat dan nasihat pada bila-bila masa mereka kurang pasti tentang kehendak terhadap diri mereka.

Jika anda khuatir tentang aplikasi Tatakelakuan, dasar atau prosedur kita, anda harus berasa bebas membangkitkannya tanpa rasa takut dikenakan tindakan balasan.

DALAM SEKSYEN INI

- 7.1 ORANG YANG HARUS DITANYA
- 7.2 MEMBANGKITKAN KEKHUATIRAN
- *SPEAK UP*

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

ORANG YANG HARUS DITANYA

Keliru atau khawatir? Pelbagai sumber disediakan untuk membantu anda memohon penjelasan mengenai sesuatu situasi. Hentian anda yang pertama ialah dasar global dan tempatan pada intranet SICPA.



Anda harus **membaca dan memastikan anda memahami** semua dasar SICPA dan menjalani semua modul latihan yang berkenaan dengan aktiviti anda.



Untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya atau untuk mengemukakan soalan, **tanya pengurus anda** atau mana-mana pengurus daripada jabatan Sumber Manusia, Kewangan, Pematuhan, Undang-undang atau Kesihatan dan Keselamatan, sama ada di kawasan anda atau di ibu pejabat global.

Para pengurus di SICPA mengalu-alukan soalan dan kekhawatiran semua pekerja.



01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN



MEMBANGKITKAN KEKHUATIRAN – *SPEAK UP*

Kita galakkan setiap pekerja SICPA dan pihak-pihak luar yang berkepentingan agar bercakap jika mereka khuatir dan kita dengar dan sokong mereka yang berbuat demikian.

SPEAK UP LINE SICPA

Jika anda kurang selesa membangkitkan sesuatu isu secara bersemuka kepada pengurus anda atau membincangkannya secara terbuka dengan jabatan-jabatan lain, anda boleh menggunakan *Speak Up Line* SICPA (alat pendedah maklumat kita). Talian ini boleh dihubungi 24 jam sehari dari dalam atau luar dan dikendalikan oleh pihak ketiga melalui portal dalam talian dan pusat panggilan. Anda akan diberi pilihan mengemukakan laporan tanpa nama.

Walau saluran mana pun yang anda pilih, **kekhuatiran anda akan dianggap serius** dan diuruskan dengan tahap kerahsiaan yang sepatutnya.

SICPA mengamalkan **dasar larangan mengambil tindakan balasan dan tidak akan membiarkan sahaja berlakunya tindakan balasan terhadap pendedah maklumat** yang mengadu dengan suci hati.

Apa-apa bentuk tindakan balasan, termasuklah kesan buruk yang dimaksudkan terhadap kerjaya, gaji, reputasi atau keadaan kerja seseorang, dengan jelasnya melanggar dasar SICPA.

01
KEPERCAYAAN ITU
URUSAN KITA

02
TANGGUNGJAWAB
ANDA

03
PEKERJA
KITA

04
INTEGRITI
PERNIAGAAN KITA

05
KEUTUHAN
KEWANGAN KITA

06
TINGKAH LAKU KITA
DI PASARAN

07
MENDAPATKAN
BANTUAN
DAN PANDUAN

Versi terjemahan ini disediakan sebagai kemudahan semata-mata dan versi bahasa Inggeris Tatakelakuan ini hendaklah mengatasi terjemahannya jika kedua-dua versi tidak konsisten.



SICPA

World Headquarters
Av de Florissant 41
1008 Prilly
Switzerland

Tel +41 21 627 55 55
Faks +41 21 627 57 27
info@sicpa.com
www.sicpa.com

Lokasi sedunia:
www.sicpa.com/map

© 2023 SICPA HOLDING SA, Switzerland

SICPA diperakui mematuhi ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 45001:2018, ISO 27001:2013, ISO 17025:2017 dan ISO 37001:2016, menurut program pengaturannya sedunia, dalam rangka kerja Sistem Pengurusan Bersepadu yang unik. Semua bahan pada muka-muka surat ini, yang merangkumi teks, susun atur, pembentangan, logo, ikon, gambar dan semua hasil seni yang lain, termasuklah mana-mana hasil kerja terbitan, ialah harta intelektual milik SICPA (bagi tujuan dokumen ini, perkataan "SICPA" membawa maksud SICPA HOLDING SA atau mana-mana syarikat induknya atau syarikat gabungannya) kecuali dinyatakan sebaliknya, dan dilindungi dengan tanda dagang, paten atau hak cipta.

Ulang keluar, terbitan atau penggunaan komersial mana-mana bahan tidak dibenarkan tanpa mendapatkan izin bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada SICPA. Maklumat yang terkandung di dalam atau yang diterbitkan daripada muka-muka surat ini tidak boleh digunakan untuk menghasilkan, mengeluarkan atau memasarkan mana-mana produk atau perkhidmatan, atau untuk apa-apa tujuan lain, tanpa mendapatkan izin bertulis yang nyata terlebih dahulu daripada SICPA.